

28 NOV 1996

PELAN: KERAJAAN PASTIKAN KEWUJUDAN IKLIM PELABURAN LIBERAL DAN MENARIK

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) yang meliputi tempoh 1996-2005 akan terus menjamin wujudnya iklim pelaburan yang lebih liberal dan menarik di samping memberi penekanan terhadap kepentingan peranan sektor swasta.

Ia juga akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha penyediaan asas ekonomi yang cekap dan kukuh bagi menyokong pertumbuhan sektor perkilangan pada masa akan datang, jelas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam laporan PIP2 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Terdapat lima unsur kritikal dalam asas ekonomi -- sumber manusia, teknologi, kewangan dan galakan, perkhidmatan sokongan serta prasarana fizikal dan kemudahan.

Menurut laporan berkenaan, adalah penting asas-asas ekonomi yang penting itu dijadikan sebahagian penting daripada PIP2 agar ia memperhebatkan lagi pembangunan kelompok industri secara sistematik.

Di bawah PIP2, dasar serta program akan disusun bagi memajukan lagi dan menyatukan industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai hubungan yang kritikal dan strategik ke arah mewujudkan dan memperkukuhkan lagi industri kelompok di samping meningkatkan industri nilai ditambah domestik.

Usaha membantu IKS akan memberi penekanan kepada pembentukan strategi ke arah mempertingkatkan kecekapan pengeluaran dan menyatu, memperkukuh, dan meluaskan lagi program IKS sedia ada, kata laporan itu.

Kerajaan akan melaksanakan Program Hubungan Perindustrian (PHP) yang bertujuan menggabungkan syarikat-syarikat tempatan ke dalam sektor perindustrian utama.

Sungguhpun kejayaan telah dicapai dalam sektor perkilangan, masih terdapat beberapa kelemahan seperti ketiadaan rantai antara syarikat-syarikat multinasional asing yang berorientasikan eksport dan syarikat-syarikat tempatan.

Untuk tujuan ini, kerajaan akan menjalankan kajian semula terhadap sistem galakan sedia ada dan operasi zon-zon perdagangan bebas dan gudang-gudang perkilangan yang dilesenkan bagi memenuhi matlamat PIP2 di samping menjadikannya seiring dengan tanggungjawab negara sebagai anggota Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Sementara itu, untuk memajukan lagi bidang latihan serta penyelidikan dan pembangunan, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menyediakan geran bagi membiayai kegiatan-kegiatan tersebut.

Namun demikian, bagi sesetengah kegiatan, kerajaan akan merangka pekej galakan baru antaranya untuk Koridor Raya Multimedia dalam usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat.

Selaras dengan usaha untuk memperkukuhkan kedudukan syarikat-syarikat pembuatan milik Malaysia dalam pelbagai bidang kegiatan, kerajaan akan merangka program sokongan yang menyeluruh bagi memajukan lagi syarikat-syarikat berkenaan dalam bidang kegiatan pembuatan yang lebih luas terutama dalam industri kelompok yang telah dikenalpasti sebagai mempunyai peranan yang sangat penting bagi pembangunan sektor perkilangan pada masa depan. -- BERNAMA

AA DIN MA